



KEMENTERIAN PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PROGRAM LATIHAN TERAPI SPA BANGUNKAN KEPAKARAN TEMPATAN Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan fokus kurangkan kebergantungan terhadap pekerja terapi spa asing

KUALA LUMPUR, 6 Ogos 2014 – Di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan, industri spa negara dijangka mampu menjana sebanyak RM400 juta kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sekaligus membuka peluang pekerjaan sebanyak 3,500 menjelang tahun 2020.¹

Menyedari akan potensi industri spa tanah air, Program Latihan Terapi Spa anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia telah diperkenalkan mulai tahun 2012 bagi membangunkan kepakaran tempatan seterusnya mengatasi masalah kekurangan juruterapi spa tempatan serta mengurangkan kebergantungan terhadap juruterapi spa asing.

Bahkan, status terkini dasar pengambilan dan penggajian juruterapi spa asing yang telah ditetapkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan diberhentikan mulai 1 Januari 2017.

Dengan adanya Program Latihan Terapi Spa yang diperkenalkan, NKEA Pelancongan bermatlamat untuk menghasilkan kira-kira 1,500 juruterapi spa tempatan yang terlatih di bawah Projek Permulaan (*Entry Point Project*) EPP 9a bagi menggantikan semua juruterapi spa asing bagi Fasa 1 pelaksanaannya sehingga penghujung tahun 2020.

Program selama 12 bulan ini merangkumi dua bahagian iaitu pembelajaran teori selama tiga bulan dan latihan amali di premis spa selama sembilan bulan. Setelah tamat program, pelatih akan ditauliahkan dan dijamin penempatan kerja selama dua tahun di spa bertaraf tiga hingga lima bintang yang telah dikelaskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Malah, turut menerima Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 dari Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia.

¹ PEMANDU. 2010. *Economic Transformation Programme (ETP): A Roadmap for Malaysia*. Bab 10, hlm 336.

Silibus Program Latihan Terapi Spa ini akan merangkumi persediaan dan pengurusan operasi spa, promosi perkhidmatan spa, urutan dan rawatan badan, rawatan muka, rawatan rambut, rawatan kaki dan tangan serta terapi air.

Bagi menjayakan Program Latihan Terapi Spa ini, pihak Kementerian telah mengiktiraf lima *Centre of Excellence* (COE) yang bertanggungjawab mengendalikan kursus kepada para pelatih iaitu:

Bil.	COE	Lokasi
1.	Energy Academy	<ul style="list-style-type: none">• South City Plaza, Seri Kembangan, Selangor
2.	Stella-In Academy	<ul style="list-style-type: none">• Seberang Prai, P. Pinang• Petaling Jaya, Selangor
3.	Jari-jari Spa Training Academy	<ul style="list-style-type: none">• Kota Kinabalu, Sabah
4.	Langkawi International Spa Academy (LISA)	<ul style="list-style-type: none">• Langkawi, Kedah• Suria City Hotel, Johor Bharu
5.	Beaubelle Academy	<ul style="list-style-type: none">• Dataran Prima, Petaling Jaya, Selangor

Proses permohonan menjalani program ini boleh dilakukan menerusi cetakan borang Program Latihan Juruterapi Spa di laman web Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan iaitu www.motac.gov.my atau menghubungi terus *Centre of Excellence* (COE) Spa. Calon-calon yang terpilih akan dipanggil untuk ditemu duga dan seterusnya diberikan penempatan untuk mengikuti kursus. Pembiayaan kerajaan juga boleh dipohon bagi mereka yang berkeelayakan.

Bagi tahun 2012, seramai 152 orang juruterapi spa tempatan telah ditauliahkan dan seramai 150 orang pada tahun berikutnya. Sehingga April 2014, seramai 93 orang pelatih sedang mengikuti latihan di COE yang telah diiktiraf dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia menyasarkan untuk melatih sejumlah 250 orang bagi tahun ini.

Pengukuhan perkhidmatan serta penjenamaan dalam industri spa adalah diharapkan dapat merencanakan lagi sektor pelancongan Malaysia dan menjadi salah satu usaha bagi mempromosikan '*Luxury Malaysia*' secara berterusan kepada setiap pelancong lebih-lebih lagi pelancong antarabangsa.

**ALAMAT PERHUBUNGAN CENTRE OF EXCELLENCE (COE) SPA YANG
MELAKSANAKAN PROGRAM LATIHAN TERAPI SPA ANJURAN
KEMENTERIAN PELANCONGAN & KEBUDAYAAN MALAYSIA**

Bil	Nama COE	No Tel	No Faks	Pegawai Rujukan / No H/p / Email
1.	Energy Academy Sdn Bhd B05-05 & 3A, 5th Floor Perdana Selatan Taman Serdang Perdana 43300 Seri Kembangan Selangor Darul Ehsan	03-8942 9495 012-680 0901 (Hotline)	03-8942 9495	<u>Pengarah Pendidikan</u> Pn. Hana Halim H/p : 012-680 0901 Email: hana@energyacademy.com.my <u>Trainer</u> Pn. Kamaliah H/p : 012-345 0554 Email: kamaliah@energyacademy.com.my
2.	Stella-In Academy 44A, Cantonment Road, 10250 Georgetown Pulau Pinang	04-228 3833/ 04-227 3833	04-226 3236	<u>Ketua Pegawai Operasi</u> En. Leslie Hong H/p : 019-447 2745 Email: hong.leslie@gmail.com <u>Pengarah Pendidikan</u> Cik Halene Hong H/p : 016-410 1246 Email: halene@stella-in.com.my
3.	Jari Jari Spa Training Academy Lot D-2-6, 2nd Floor, Blok D, Plaza Tg Aru, Jalan Mat Salleh Kota Kinabalu 88100 Sabah	088-238 873	088-238 872	<u>Pengetua</u> YBhg. Datin Jeannette Tambakau H/p : 019-880 8864 Email: jtambakau@gmail.com <u>Pengurus</u> Cik Alyssa Lim H/p : 012-517 2957 Email: lim.alyssa@gmail.com

4.	Langkawi International Spa Academy (LISA) No.99, Jalan Persiaran Mas Pusat Dagangan Kelana Mas 07000 Kuah, Langkawi, Kedah Darul Aman	04-966 7699	04-966 7699	<p><u>Pengarah</u></p> <p>Pn. Noriza Dani H/p : 016-232 6264 Email : noriza.dani@gmail.com</p> <p><u>Pengurus Pemasaran</u></p> <p>Pn. Wan Kalthom H/p : 016-232 6264 Email : info.lisa.langkawi@gmail.com langkawispaacademy@gmail.com</p>
5.	Beaubelle Academy No. 31-6, Block D1 Jalan PJU 1/41, Dataran Prima 47301 Petaling Jaya Selangor Darul Ehsan	03-7880 8118	03-7880 2989	<p><u>Pengarah</u></p> <p>Pn. Ruby Siah sk H/p : 019-385 5888 Email: sksiah@beaubelle.com</p> <p><u>Business Dev. Manager</u></p> <p>En. Johan Lim H/p : 011-12388889 Email: johanlim@beaubelle.com</p>

###